



GARIS PANDUAN
LESEN HIBURAN AWAM
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

**Versi 1 :
Telah Diluluskan Oleh Majlis Penuh Ke-509 Bil.11/2016 Pada 29 November 2016**

**Versi 2 :
Semakan Semula dan Diluluskan Majlis Penuh Ke-512 (Bil. 02/2017) Pada 24 Februari 2017**

**Versi 3:
Semakan Semula dan Diluluskan Majlis Penuh Ke-556 (Bil. 10/2020) Pada 22 Oktober 2020**

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0	Tujuan	4
2.0	Latar Belakang	4
3.0	Undang-Undang Yang Dikuatkuasakan Oleh MBSP	4
4.0	Permohonan Lesen Dan Syarat-Syarat Lesen Hiburan	
	Aktiviti Hiburan Tetap	5
	Aktiviti Hiburan Sementara	6
5.0	Aktiviti Hiburan Yang Dibenarkan	8
6.0	Aktiviti Hiburan Yang Tidak Dibenarkan	8
7.0	Konsep Premis Hiburan Yang Dibenarkan	
7.1	Aktiviti Hiburan Awam Tetap	8
7.2	Aktiviti Hiburan Awam Sementara	9
8.0	Zon Aktiviti Hiburan Awam	
8.1	Kawasan Yang Dibenarkan Untuk Aktiviti Hiburan Tetap	9
8.2	Kawasan Tidak Dibenarkan Untuk Aktiviti Hiburan Tetap	10
8.3	Kawasan Tidak Dibenarkan Untuk Aktiviti Hiburan Sementara	10
9.0	Jenis-Jenis Mesin Hiburan Yang Dibenarkan	10
10.0	Fi / Kadar Bayaran Lesen Hiburan Awam	12
11.0	Bayaran Cagaran Lesen Hiburan Awam	
11.1	Lesen Hiburan Awam Tetap	12
11.2	Lesen Hiburan Awam Sementara	12
12.0	Pembaharuan Lesen Hiburan Awam Tetap	12
13.0	Penambahan Jenis Hiburan / Penukaran Nama Pemegang Lesen / Pertambahan Alamat Premis Perniagaan	13
	LAMPIRAN A - Borang Permohonan Lesen Premis dan Iklan	15
	- Borang Permohonan Lesen Hiburan Awam	16
	LAMPIRAN B - Syarat-Syarat Lesen Hiburan Awam	17 - 23

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua pihak terutamanya individu yang menjalankan aktiviti hiburan di seluruh kawasan Seberang Perai dengan mengambil kira keperluan peruntukan undang-undang, konsep perniagaan dan kesesuaian kawasan setempat untuk aktiviti hiburan yang dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG

Seberang Perai merupakan salah satu kawasan bandar yang membenarkan aktiviti hiburan dijalankan selain beberapa bandar lain di seluruh Malaysia. Secara tidak langsung, aktiviti ini turut menjadi penyumbang hasil utama kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Aktiviti hiburan secara amnya boleh dikelaskan kepada dua (2) iaitu hiburan awam tetap dan hiburan awam sementara. Pengkelasan dua (2) jenis hiburan ini adalah bergantung kepada jenis aktiviti dan tempoh masa sesuatu aktiviti hiburan tersebut berlangsung.

Walau bagaimanapun, jumlah aktiviti hiburan di Pulau Pinang dilihat semakin meningkat dan mengundang pelbagai isu di kalangan masyarakat terutamanya melibatkan aspek perjudian dan penularan gejala sosial. Pertumbuhan pusat-pusat hiburan dan aktiviti perjudian yang tidak dikawal telah merunsingkan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri dan masyarakat. Di samping itu, kesukaran menjalankan aktiviti penguatkuasaan juga dilihat menjadi penyumbang kepada peningkatan premis-premis perniagaan tanpa lesen.

Keadaan ini berlaku disebabkan ketiadaan satu garis panduan khusus untuk rujukan individu yang menjalankan perniagaan ini dan kurangnya kesedaran terhadap kemungkinan implikasi yang mungkin timbul kesan daripada aktiviti tersebut terhadap golongan yang tidak berkepentingan.

3.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN OLEH MBSP

Antara undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MBSP adalah seperti berikut

- ❖ Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998
- ❖ Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001
- ❖ Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ❖ Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
- ❖ Undang-Undang Kecil Iklan, Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001

4.0 PERMOHONAN LESEN DAN SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN

A. AKTIVITI HIBURAN TETAP

4.1 Pemohon perlu melengkapkan dua (2) borang permohonan lesen iaitu :

- i. Borang Permohonan Lesen Premis dan Iklan (Borang PL-1)
- ii. Borang Permohonan Lesen Hiburan Awam

Kedua-dua borang ini boleh didapati melalui laman web MBSP di <http://www.mbsp.gov.my>. Contoh borang adalah seperti di **Lampiran A**.

4.2 Kedua-dua borang tersebut perlu dilengkapkan dengan dokumen-dokumen tambahan seperti yang telah dinyatakan di dalam borang. Sekiranya pemohon gagal melengkapkan borang dan mengemukakan bersama dokumen sokongan berkaitan, permohonan tidak akan diterima dan diproses bagi pertimbangan kelulusan.

4.3 Borang permohonan lesen hiburan awam dan dokumen berkaitan perlu diserahkan sebanyak 16 set kepada Jabatan Pelesenan.

4.4 Bagi permohonan aktiviti hiburan yang melibatkan penggunaan mesin / alat permainan seperti aktiviti *fun fair*, pesta, simulator, taman tema dan sebagainya yang berkaitan, pemohon perlu mengemukakan nama mesin, jumlah mesin dan gambar bagi setiap nama mesin untuk semakan dan kelulusan PDRM sebelum lesen dikeluarkan.

4.5 Jumlah had maksima permohonan mesin hiburan yang dibenarkan bagi setiap permohonan dan premis perniagaan adalah sebanyak 60 mesin sahaja.

4.6 Sekiranya aktiviti hiburan yang dijalankan melibatkan penggunaan mesin / alat permainan yang berisiko tinggi kepada orang awam, permohonan akan dirujuk kepada Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP). Pertimbangan kelulusan lesen adalah bergantung kepada ulasan pihak JKKP dalam menentukan tahap keselamatan mesin / alat permainan tersebut.

4.7 Pemohon juga boleh merujuk kepada garis panduan yang disediakan JKKP berkaitan Pengurusan Keselamatan Peralatan Taman Hiburan 2008 melalui laman web <http://www.dosh.gov.my> untuk maklumat lanjut.

4.8 Secara ringkasnya, setiap permohonan lesen untuk aktiviti hiburan tetap akan dirujuk kepada jabatan/agensi berikut :

- i. Jenis Aktiviti Perniagaan Nyanyian

AKTIVITI PERNIAGAAN	JABATAN TEKNIKAL
Nyanyian, Muzikal, Karaoke, Dewan Tarian, Live Band I.D.T, Pawagam	PDRM
	Pejabat Daerah & Tanah
	Jabatan Kewangan Negeri
	Jabatan Bomba
	FINAS
	Jabatan Tenaga Kerja

ii. Jenis Aktiviti Perniagaan Bukan Nyanyian

AKTIVITI PERNIAGAAN	JABATAN TEKNIKAL
Snooker / billiard, Simulator, Kiddy Ride, Mesin Hadiah, Taman Tema, Bowling	PDRM
	Pejabat Daerah & Tanah
	Jabatan Kewangan Negeri
	Jabatan Bomba
	Jabatan Tenaga Kerja
	JKKP - sekiranya melibatkan mesin permainan di Taman Tema dan Fun Fair

4.9 Jabatan teknikal yang dirujuk diberikan tempoh selama **21 hari** untuk mengemukakan ulasan dan pandangan terhadap sesebuah permohonan lesen. Sekiranya MBSP tidak menerima sebarang maklum balas selepas tempoh yang diberikan, jabatan teknikal dianggap **tidak menyokong dan permohonan akan ditolak**.

4.10 Pemohon yang terkilan dengan keputusan penolakan permohonan di peringkat MBSP boleh mengemukakan permohonan rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat penolakan melalui alamat berikut :

Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Bahagian Kerajaan Tempatan
Paras 56, KOMTAR
PULAU PINANG

4.11 Bayaran sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) akan dikenakan kepada pemohon bagi membuat permohonan rayuan.

4.12 Setiap aktiviti hiburan tetap yang telah mendapat sokongan semua jabatan teknikal berkaitan dan diluluskan oleh Pegawai Pelesen, pemohon akan dibekalkan dengan dua (2) lesen berasingan iaitu :

- i. Lesen Premis dan Iklan MBSP
- ii. Lesen Hiburan Awam

Kedua-dua lesen berkenaan perlu dipamerkan di premis perniagaan pada setiap masa. Kegagalan berbuat demikian akan dianggap telah melanggar syarat-syarat pelesenan dan boleh dikenakan tindakan kompaun sehingga pembatalan lesen.

B. AKTIVITI HIBURAN SEMENTARA

4.13 Pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Lesen Hiburan Awam dan mengemukakan kepada Jabatan Pelesenan bersama 14 set salinan borang dan dokumen berkaitan. Pemohon juga perlu melengkapkan borang permohonan permit kanopi dan mengemukakan kepada Jabatan Bangunan untuk diproses sekiranya aktiviti hiburan sementara yang diadakan melibatkan penggunaan kanopi / khemah.

4.14 Pemohon boleh merujuk kepada Jabatan Pelesenan atau Jabatan Bangunan bagi pertanyaan lanjut dan membuat permohonan.

- 4.15 Permohonan lesen hiburan sementara yang dijalankan di kawasan lapang akan dirujuk kepada dua (2) jabatan/agensi berkaitan iaitu PDRM dan Pejabat Daerah & Tanah. Sekiranya aktiviti dijalankan di dalam kawasan persendirian, MBSP hanya akan merujuk kepada pihak PDRM sahaja. Bagi aktiviti hiburan sementara yang melibatkan penjualan tiket, permohonan akan dirujuk kepada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.

LOKASI / KATEGORI HIBURAN	JABATAN TEKNIKAL
Tanah Persendirian / Dalam Kawasan Bangunan Persendirian	PDRM
Tanah Kerajaan Negeri / Tanah Lapang	PDRM
	Pejabat Daerah & Tanah
Hiburan yang melibatkan penjualan tiket (pertunjukan konsert, sarkas, <i>fun fair</i> dan lain-lain berkaitan)	PDRM
	Pejabat Daerah & Tanah
	Jabatan Kewangan Negeri

- 4.16 Pemohon lesen hiburan sementara juga perlu mengemukakan kesemua tiket-tiket pertunjukan ke Unit Duti Hiburan & Pelesenan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri di tingkat 22, KOMTAR bagi tujuan pengiraan duti hiburan yang akan dikenakan.
- 4.17 Pemohon perlu membuat permohonan lesen **dua (2) bulan lebih awal** daripada tarikh program berlangsung bagi membolehkan permohonan dirujuk dan diberikan maklum balas oleh jabatan teknikal berkaitan. Sekiranya terdapat permohonan yang tidak menepati standard ini, permohonan tersebut tidak akan diterima dan diproses untuk kelulusan lesen.
- 4.18 Walau bagaimanapun, pihak MBSP masih berhak untuk memproses dan meluluskan mana-mana permohonan yang membuat permohonan kurang daripada tempoh dua (2) bulan.
- 4.19 Bagi permohonan aktiviti hiburan sementara yang melibatkan artis luar negara, pemohon / penganjur perlu mendapatkan kelulusan daripada Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) terlebih dahulu sebelum membuat permohonan lesen hiburan di MBSP.
- 4.20 Bagi aktiviti hiburan yang melibatkan aksi lakonan dan nyanyian, pemohon / penganjur perlu menyediakan dan mengemukakan bersama skip lakonan / nyanyian ketika permohonan lesen kepada MBSP.
- 4.21 Sekiranya aktiviti hiburan sementara melibatkan penjualan tiket kepada pelanggan / pengunjung, sebanyak lima (5) peratus daripada jumlah jualan tiket perlu diserahkan kepada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang sebagai bayaran cukai hiburan. Pelaksanaan dasar ini adalah termasuk bagi aktiviti berbentuk amal dan juga bukan amal.
- 4.22 Bagi aktiviti hiburan yang melibatkan penggunaan bahan api / letupan (mercun), penganjur perlu mengisytiharkan aktiviti tersebut di dalam borang permohonan lesen hiburan sementara. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku.

- 4.23 Permohonan yang mempunyai aktiviti hiburan tersebut akan dirujuk kepada jabatan teknikal berikut sebelum kelulusan lesen hiburan awam diberikan iaitu :
- i. PDRM
 - ii. Pejabat Daerah dan Tanah
 - iii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 - iv. Jabatan Penerbangan Awam
- 4.24 Penganjur juga perlu mempunyai perlindungan insurans yang merangkumi liability awam dan mengemukakan dokumen insurans tersebut sebagai dokumen tambahan ketika permohonan dibuat.
- 4.25 Penganjur juga perlu memastikan pengendali bahan api / letupan (mercun) dilantik dan diperakui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dokumen perlantikan / perakuan KDN juga perlu disertakan bersama borang permohonan.
- 4.26 Di samping itu, semua pemohon / penganjur lesen hiburan awam sementara perlu memastikan syarat-syarat lesen hiburan sementara seperti di **Lampiran B** dipatuhi. Tindakan rampasan wang cagaran akan dibuat sekiranya didapati syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi.

5.0 AKTIVITI HIBURAN YANG DIBENARKAN

Aktiviti hiburan yang dibenarkan di kawasan Seberang Perai adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam Jadual Kedua (Peraturan 8), Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001.

6.0 AKTIVITI HIBURAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- ❖ Aktiviti hiburan yang terdapat di dalamnya menawarkan perkhidmatan pelacuran, pornografi, lucah dan ganas kepada pelanggan.
- ❖ Aktiviti hiburan yang melibatkan permainan mesin simulator atau lain-lain mesin hiburan yang mempunyai unsur-unsur perjudian dan tidak disyorkan oleh PDRM.
- ❖ Aktiviti hiburan yang tidak mempunyai kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ❖ Aktiviti hiburan yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
- ❖ Lain-lain aktiviti hiburan yang menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang semasa.

7.0 KONSEP PREMIS HIBURAN YANG DIBENARKAN

7.1 AKTIVITI HIBURAN AWAM TETAP

- ❖ Mempunyai premis perniagaan yang dibenarkan untuk aktiviti perniagaan oleh MBSP.
- ❖ Mempunyai lesen premis dan iklan MBSP dan lesen hiburan awam yang sah.

- ❖ Pintu masuk dan muka hadapan premis tidak dilekatkan dengan sebarang pelekat / stiker yang boleh menghalang pandangan terhadap aktiviti di dalam premis. Aktiviti hiburan yang dijalankan di dalam premis mesti boleh dilihat daripada luar.
- ❖ Pintu masuk premis tidak berkunci dengan apa-apa jenis kunci yang boleh menghalang mana-mana pihak berkuasa masuk bagi menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.
- ❖ Bagi premis yang menjalankan aktiviti mesin simulator / mesin mencuba nasib atau apa-apa jenis mesin hiburan yang dibenarkan, premis hiburan perlu mempunyai pencahayaan yang terang pada setiap masa dan tidak dibenarkan pencahayaan yang gelap atau malap dan boleh menimbulkan syak wasangka yang negatif di kalangan masyarakat.
- ❖ Tempoh masa aktiviti hiburan yang dibenarkan :
 - Aktiviti mesin simulator / mesin mencuba nasib:
 - i. Ahad hingga Khamis : 2.00 petang hingga 12.00 tengah malam
 - ii. Jumaat dan Sabtu : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
 - Lain-lain aktiviti hiburan :
 - i. Isnin hingga Khamis : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
 - ii. Jumaat, Sabtu dan Ahad : 2.00 petang hingga 3.00

7.2 AKTIVITI HIBURAN AWAM SEMENTARA

- ❖ Aktiviti hiburan sementara mestilah dijalankan bagi tempoh-tempoh tertentu sahaja yang tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan.
- ❖ Penganjuran aktiviti hiburan dijalankan secara terbuka atau dengan menggunakan kanopi / khemah di kawasan lapang atau tanah persendirian.
- ❖ Sekiranya aktiviti hiburan sementara akan dilakukan di kawasan lapang, penganjur program perlu mendapatkan kebenaran tuan tanah terlebih dahulu sebelum membuat permohonan lesen.
- ❖ Tempoh masa aktiviti yang dibenarkan :
 - 11.00 pagi hingga 12.00 tengah malam

8.0 ZON AKTIVITI HIBURAN AWAM

8.1 KAWASAN YANG DIBENARKAN UNTUK AKTIVITI HIBURAN TETAP

- ❖ Pasaraya-pasaraya berlesen.
- ❖ Bangunan yang telah digazetkan sebagai pusat perniagaan atau pasaraya.
- ❖ Pusat membeli-belah berlesen.
- ❖ Hotel-hotel yang berlesen
- ❖ Premis sedia ada yang mempunyai lesen hiburan dan inginkan pertambahan aktiviti hiburan yang dibenarkan.
- ❖ Kawasan perindustrian.

8.2 KAWASAN TIDAK DIBENARKAN UNTUK AKTIVITI HIBURAN TETAP

i. Aktiviti Hiburan Mesin Simulator (Mencuba Nasib)

- ❖ Di luar kawasan pusat beli belah, pasaraya dan hotel.

ii. Aktiviti Hiburan Mesin Hadiah

- ❖ Di dalam premis dan kaki lima premis perniagaan rumah kedai atau kedai pejabat. Hanya dibenarkan di dalam premis pusat membeli-belah / pasaraya besar sahaja.

iii. Aktiviti Hiburan *Kiddy Rides* dan *Darts*

- ❖ Di kaki lima premis perniagaan rumah kedai atau kedai pejabat. Hanya dibenarkan di dalam premis perniagaan sahaja.

iv. Pusat Hiburan Keluarga

- ❖ Di dalam premis dan kaki lima premis perniagaan rumah kedai atau kedai pejabat. Hanya dibenarkan di dalam premis pusat membeli-belah / pasaraya besar, hotel bertaraf 4 bintang ke atas dan tempat peranginan sahaja. Perkara ini hanya terpakai bagi permohonan baru sahaja selepas garis panduan ini diluluskan.
- ❖ Larangan ini terpakai bagi aktiviti hiburan keluarga yang melibatkan mesin permainan dan tidak termasuk pusat hiburan karaoke keluarga.

v. Aktiviti Hiburan Lain

- ❖ Dalam kawasan perumahan berstrata.
- ❖ Dalam kawasan kurang daripada radius 250 meter dari institusi pendidikan, hospital, dan rumah ibadat yang berdaftar dengan MBSP.

8.3 KAWASAN TIDAK DIBENARKAN UNTUK AKTIVITI HIBURAN SEMENTARA

- ❖ Kawasan lapang yang tidak mendapat sokongan Pejabat Daerah dan Tanah dan PDRM.

9.0 JENIS-JENIS MESIN HIBURAN YANG DIBENARKAN

- 9.1 Peralatan/Kelengkapan permainan kanak-kanak seperti kiddy riders dan karnival, *novelty game* serta simulasi (simulator) yang tidak mudah diubahsuai untuk tujuan perjudian adalah merupakan jenis-jenis mesin permainan berbentuk hiburan yang dibenarkan. Jenis permainan hendaklah berbentuk hiburan yang sesuai untuk keluarga dan mesin-mesin permainan adalah seperti berikut :-

(A) Children Playground Area

- ❖ Playport
- ❖ Pirate Slide
- ❖ Bouncing Dino
- ❖ Master Slide
- ❖ Children Playland
- ❖ Mini F1 Racing
- ❖ Giant Slide
- ❖ Playland

(B) Kiddy Ride

- ❖ Castle Fantastic
- ❖ See Saw Ride
- ❖ Hamburger
- ❖ Bus
- ❖ Helicopter
- ❖ Piku Piku Air Plane
- ❖ Waku Waku Police Car
- ❖ Redbaron
- ❖ Merry Elephant
- ❖ Waku Waku Train
- ❖ Horsecar
- ❖ Super Sonic Police Car
- ❖ KDE Shinkansen
- ❖ Kid's Police Car / Chibikko Patocar
- ❖ Kid's Travel / Chibikku Kotsu
- ❖ My Poloce Car / Nari Kiri Pato Car
- ❖ Kid's Fis
- ❖ Hing / Wanpaku Fishing
- ❖ Tini With Car / Cara Nori Oja Majo
- ❖ Go Go Police Car
- ❖ Doreamon's Adventure

(C) Permainan "Karnival/Novelty Game"

- ❖ Boom Ball
- ❖ Big Mouth
- ❖ Ball Throwing Game
- ❖ Ball Tossing Game
- ❖ Super Shot Basketball
- ❖ Full Court Fever
- ❖ Wani Wani Panic
- ❖ SaurosCannon
- ❖ Striker
- ❖ Skee Ball
- ❖ Knock Mole
- ❖ Basket Ball
- ❖ Bad Batsumaru hockey
- ❖ Bad Batsumaru ni chosi
- ❖ Crab Panic/Kani Kani Panic
- ❖ Knock The Crocodile
- ❖ Exiting Hockey
- ❖ Hockey Stadium

(D) Simulasi (Simulators)

- ❖ Daytona USA 2
- ❖ Rail Chase
- ❖ Stadium Cros
- ❖ Manx TT
- ❖ Power Drft
- ❖ After Burner
- ❖ Space Hamer
- ❖ Virtua Racing DX
- ❖ Megalo 50
- ❖ Virtual City 38
- ❖ Gun Blad NY
- ❖ Final Furlong
- ❖ Downhill Bikers
- ❖ Mario Kart
- ❖ Dirt Devil Twin
- ❖ Drum Mania 2
- ❖ Cyber cycles
- ❖ Battle Gear 1
- ❖ Panic Park SD
- ❖ Touch Game
- ❖ Rock Fever
- ❖ Dance Revolution
- ❖ Taiko no Tatsujin
- ❖ Dinasour King
- ❖ Love and Berry
- ❖ Mushi King
- ❖ Dance 86.4
- ❖ Toy March
- ❖ Virtua Cop DX
- ❖ House of The Dead 2SD
- ❖ Time Crisis SD

- 9.2 Setiap mesin / alat permainan hiburan perlu mendapat kelulusan daripada pihak PDRM terlebih dahulu. Ini kerana evolusi mesin adalah bergantung pada peredaran masa dan zaman.

10.0 FI / KADAR BAYARAN LESEN HIBURAN AWAM

Kadar bayaran lesen bagi lesen hiburan adalah tertakluk kepada Jadual Kedua (Peraturan 8) Fi Bagi Lesen Untuk Mengadakan Hiburan di Sesuatu Tempat, Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001.

11.0 BAYARAN CAGARAN LESEN HIBURAN AWAM

11.1 LESEN HIBURAN AWAM TETAP

Kadar bayaran cagaran bagi sesebuah lesen hiburan awam tetap adalah seperti berikut :

- i. Lesen yang diluluskan dengan sokongan semua jabatan teknikal : RM 1,000.00
- ii. Lesen yang diluluskan oleh Lembaga Rayuan Lesen Hiburan : RM 5,000.00

Tindakan merampas wang cagaran akan dibuat sekiranya terdapat mana-mana pemohon gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan seperti yang telah ditetapkan.

11.2 LESEN HIBURAN AWAM SEMENTARA

Kadar cagaran yang ditetapkan adalah sebanyak RM 250.00. Wang cagaran perlu dibuat bayaran kepada pihak MBSP.

12.0 PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN AWAM TETAP

- 12.1 Setiap lesen hiburan awam hanya sah laku bagi tempoh satu (1) tahun sahaja. Pemilik lesen perlu membuat mengisi borang permohonan pembaharuan lesen dan mengemukakan borang tersebut kepada Jabatan Pelesenan. Borang perlu dikemukakan bersama dokumen berikut :

- i. Salinan lesen premis dan iklan
- ii. Salinan lesen hiburan awam terkini.
- iii. Resit bayaran duti hiburan tahunan kepada Jabatan Kewangan Negeri.

- 12.2 Permohonan pembaharuan lesen perlu dibuat tiga (3) bulan lebih awal daripada tarikh luput lesen di Jabatan Pelesenan.

- 12.3 Setiap pembaharuan lesen akan dirujuk kepada dua (2) jabatan teknikal iaitu PDRM dan Pejabat Daerah dan Tanah sebelum proses pembaharuan dilaksanakan oleh MBSP. Justifikasi permohonan pembaharuan dirujuk kepada dua (2) jabatan tersebut adalah :

1. mendapatkan maklum balas terkini sekiranya terdapat aduan daripada mana-mana pihak terutamanya daripada JKKK atau penduduk setempat lokasi premis hiburan tersebut berada.

2. mendapatkan maklum balas sekiranya pemilik perniagaan / pemegang lesen mempunyai sebarang rekod jenayah.
3. mendapatkan maklum balas sekiranya terdapat aktiviti perniagaan yang dijalankan sepanjang tempoh sah laku lesen menyalahi undang-undang dan telah disabitkan oleh pihak mahkamah.

13.0 PENAMBAHAN JENIS HIBURAN / PENUKARAN NAMA PEMEGANG LESEN / PERTAMBAHAN ALAMAT PREMIS PERNIAGAAN

- 13.1 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Lesen Hiburan Awam dan disertakan bersama surat iringan. Pemohon juga perlu mengemukakan bersama dokumen-dokumen berikut :
 - a. Salinan lesen premis dan iklan
 - b. Salinan lesen hiburan awam
 - c. Dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan.
- 13.2 Borang dan dokumen yang telah lengkap perlu dikemukakan kepada Majlis sebanyak 10 salinan.
- 13.3 Permohonan akan dirujuk kepada Jabatan/Agensi teknikal berikut :
 - a. PDRM
 - b. Pejabat Daerah dan Tanah
 - c. Jabatan Kewangan Negeri
- 13.4 Majlis tidak membenarkan sebarang penukaran alamat premis dan sekiranya terdapat permohonan sedemikian, pemohon perlu membuat permohonan baru lesen perniagaan dan lesen hiburan awam.

LAMPIRAN A

BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS DAN IKLAN



JABATAN PELESENAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS DAN IKLAN (PL-1)

ARAHAN

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas. PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA DITERIMA UNTUK DIPROSES.
2. Potong mana yang tidak berkaitan*.
3. Tandakan (✓) dalam kotak berkenaan.
4. Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di sebelah kanan atas dokumen tersebut.

LEKATKAN
GAMBAR
BERWARNA
PEMOHON
DISINI

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	DOKUMEN WAJIB / PILIHAN (DW / P)	DIISI OLEH PEMOHON (✓)	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PEGAWAI KAUNTER	
				ADA	TIADA
1.	Gambar Pemohon (Berwarna) Bersaiz Pasport	DW			
2.	Satu (1) Salinan Kad Pengenalan ATAU Pasport	DW			
3.	Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat / Perakuan Pendaftaran Syarikat / Perakuan Pendaftaran Perniagaan / Perakuan Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (Borang 9, 24 dan 49) atau Sijil Pendaftaran Pertubuhan / Persatuan / Kelab / Badan Profesional (*mana yang berkaitan)	DW			
4.	4 Set Lakaran Pelan Lokasi Perniagaan & 4 Set Gambar BERWARNA Premis (1set mempunyai pandangan hadapan, tepi, dalaman & belakang)	DW			
5.	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) atau Sijil Pematuhan (CCC/CFO)/ Kelulusan Syarat Tukar Guna Bangunan / Kebenaran Merancang (*mana yang berkaitan)	P			
6.	Salinan hak milik / Perjanjian sewaan yang telah DISETEMKAN oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) / Surat Kebenaran Pemilik / Geran Tanah @ TOL (*mana yang berkaitan)	DW			
7.	Salinan Bil Hasil Cukai Taksiran terkini / Slip Bayaran Sewa Premis Majlis / Salinan Bil Hasil Cukai Tanah (jika perniagaan di tanah lapang)	DW			
8.	Pengesahan Ejaan Penggunaan Bahasa pada Visual Iklan Premis oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (jika ada papan iklan)	DW / P			
9.	Kelulusan Ubah Suai Bangunan / Permit Bangunan Sementara (jika berkaitan)	P			
10.	Surat Wakil & Salinan Kad Pengenalan wakil pemohon lesen atau Surat Memberi Kuasa Kepada Pemohon (jika berkaitan)	P			
11.	Surat kelulusan sewaan petak parkir khas MPSP - jika berkaitan (bagi permohonan lesen aktiviti Jualan Motosikal, Kedai Membaiki Kenderaan / Lori, Jualan Tayar Kenderaan & Aksesori Kenderaan).	P			

PK-PL / PEL Lamp.1
Keluaran 2 {15.01.2020}

1 dari 7

BORANG PERMOHONAN LESEN HIBURAN AWAM



MPSP/H/____/____/____

JABATAN PELESENAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

JADUAL PERTAMA BORANG A (Peraturan 3) ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1998 PERATURAN-PERATURAN HIBURAN (PULAU PINANG) 2001 PERMOHONAN LESEN

Lekatkan satu
keping gambar
berukuran pasport
di sini

ARAHAN

1. Tanda (✓) dalam kotak-kotak yang berkenaan.
2. Kosongkan mana-mana yang tidak berkenaan.
3. Kembalikan borang ini berserta dengan dokumen-dokumen berikut (yang mana berkenaan) :-

- (i) 1 keping gambar berukuran pasport
- (ii) 1 salinan kad pengenalan
- (iii) 1 salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Pertubuhan
- (iv) 1 salinan Memorandum Syarikat dan perkara persetujuan
- (v) 1 salinan pelan tempat letak mesin (jika berkenaan)
- (vi) 1 salinan pelan lakaran mengikut geran asal
- (vii) 1 salinan senarai Jawatankuasa Pengelola
- (viii) 1 salinan nama peserta/penghibur
- (ix) 5 salinan pelan lantai dan lokasi premis
- (x) Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah atau bangunan itu
(Lengkapkan Lampiran A)
- (xi) 2 keping gambar premis (1 keping gambar yang diambil dari luar dan 1 keping gambar yang diambil dari dalam)

NOTA : BORANG PERMOHONAN HENDAKLAH DIISI DENGAN LENGKAP BERSERTA DENGAN LAMPIRAN YANG DIKEHENDAKI

PERTUNJUKKAN SEMENTARA : 14 SET
PERTUNJUKKAN TETAP : 16 SET

(Semua permohonan Hiburan Sementara hendaklah dikemukakan dalam tempoh 2 bulan sebelum tarikh pertunjukan)

1 dari 6

LAMPIRAN B

**SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN PREMIS SNUKER/BILIARD/SIMULATOR/MESIN
KEMAHIRAN/MESIN HADIAH/KIDDLE RIDES**

1. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesen hiburan di ruangan kaunter/tempat ketara dan mengemukakan kepada mana-mana Pegawai Penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian.
2. Masa operasi hiburan adalah seperti berikut :
 - Aktiviti mesin simulator / mesin mencuba nasib:
 - i. Ahad hingga Khamis : 2.00 petang hingga 12.00 tengah malam
 - ii. Jumaat dan Sabtu : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
 - Lain-lain aktiviti hiburan :
 - i. Isnin hingga Khamis : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
 - ii. Jumaat, Sabtu dan Ahad : 2.00 petang hingga 3.00
3. Pemegang lesen tidak dibenarkan menambah bilangan meja/ mesin/peralatan permainan daripada jumlah yang dinyatakan di dalam lesen tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pelesen.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan tempat hiburan berada dalam keadaan bersih.
5. Pemegang lesen-lesen hendaklah memastikan tandas, bilik air dan tempat hiburan berada dalam keadaan yang bersih.
6. Pemegang lesen adalah dilarang meletak sebarang mesin/peralatan permainan di luar premis yang dilesenkan.
7. Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana Pegawai Penguatkuasa untuk memasuki premis hiburan dan memeriksa lesen-lesen/sijil-sijil yang berkaitan pada bila-bila masa.
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tidak ada sebarang urusan perjudian di dalam premis yang dilesenkan.
9. Pemegang lesen hendaklah memastikan keselamatan serta ketenteraman premis daripada pergaduhan.
10. Pemegang lesen tidak dibenarkan mendirikan bilik-bilik kecil (*cubicle partition*) di tempat hiburan.
11. Premis hendaklah dapat dilihat daripada luar. Pemegang lesen tidak dibenarkan melekatkan sebarang pelekat / apa-apa bahan di pintu masuk dan muka hadapan premis yang boleh menghalang pandangan dari luar.
12. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengunci pintu masuk premis daripada dalam premis.
13. Satu suis lampu utama (*main switch*) hendaklah disediakan dan hendaklah dinyalakan apabila diminta oleh Pegawai Penguatkuasa untuk tujuan pemeriksaan.

14. Lesen tidak boleh dipindah milik, disewakan atau dipajakkan kepada mana-mana orang lain.
15. Pegawai Penguatkuasa boleh menyita apa-apa dokumen atau benda di tempat hiburan atau menutup tempat hiburan sekiranya berlaku pelanggaran syarat.
16. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan satu notis di pintu masuk tempat hiburan dengan menggunakan bahasa Melayu dan Cina serta Tamil atau Inggeris yang mengandungi perkara-perkara berikut :
 - i) Tempoh masa operasi
 - ii) Umur minima yang dibenarkan
 - iii) Larangan ke atas pelajar sekolah yang berpakaian seragam

* Tulisan dalam notis mestilah berukuran 1" x 1"
17. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan satu notis larangan merokok di tempat hiburan.
18. Halangan sekatan atau cermin yang digunakan di tempat hiburan hendaklah terang bagi memudahkan kerja pemantauan.
19. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada warung/gerai atau struktur lain dibina di tempat pertunjukan melainkan dibenarkan oleh MBSP setelah bayaran fee dijelaskan.
20. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan yang berunsur lucah di tempat hiburan.
21. Bagi Pusat Hiburan Keluarga, kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah hendaklah disertai oleh sekurang-kurangnya seorang dewasa semasa memasuki tempat hiburan.
22. Pemegang lesen hendaklah menyediakan di tempat hiburannya satu kotak pertolongan cemas yang secukupnya yang mengandungi alat-alat pertolongan cemas yang lengkap pada setiap masa.
23. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan lain dijalankan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan.
24. Pemegang lesen hendaklah tidak membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.
25. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelaku-pelaku dalam tempat hiburan berpakaian sopan.
26. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan dijalankan dalam tempat hiburan.
27. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab memastikan semua alat permainan di tempat hiburan disahkan sesuai dan selamat digunakan.
28. Pemegang lesen hendaklah mengendalikan satu tempat hiburan dalam masa operasi yang dinyatakan oleh Pegawai Pelesen dalam lesen atau syarat-syarat pelesenan.
29. Mesin simulator tidak dibenarkan diubahsuai kepada bentuk perjudian. Lesen akan ditarik balik atau dibatal jika gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

30. Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN KARAOKE/NYANYIAN MUZIKAL/LOUNGE/DEWAN TARIAN

1. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesen hiburan di ruangan kaunter/tempat ketara dan mengemukakan kepada mana-mana Pegawai Penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian.
2. Masa operasi hiburan adalah seperti berikut :
 - i. Isnin hingga Khamis : 2.00 petang hingga 12.00 tengah malam
 - ii. Jumaat, Sabtu dan Ahad : 2.00 petang hingga 2.00 pagi
3. Pemegang lesen tidak dibenarkan menambah bilangan mesin/peralatan permainan daripada jumlah yang dinyatakan di dalam lesen tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pegawai Pelesen.
4. Pemegang lesen hendaklah memastikan tempat hiburan berada dalam keadaan bersih.
5. Pemegang lesen hendaklah memastikan tandas, bilik air dan tempat hiburan berada dalam keadaan yang bersih.
6. Pemegang lesen adalah dilarang meletak sebarang mesin/peralatan permainan di luar premis yang dilesenkan.
7. Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana Pegawai Penguatkuasa untuk memasuki premis hiburan dan memeriksa lesen-lesen/sijil-sijil yang berkaitan pada bila-bila masa.
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tidak ada sebarang urusan perjudian di dalam premis yang dilesenkan.
9. Pemegang lesen hendaklah menyediakan di tempat hiburannya satu kotak pertolongan cemas yang secukupnya yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas yang lengkap pada setiap masa.
10. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan lain dijalankan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan.
11. Pemegang lesen hendaklah tidak membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.
12. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan lucah dibenarkan di dalam tempat hiburan.
13. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelaku-pelaku dalam premis tempat berpakaian sopan.
14. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan dijalankan dalam tempat hiburan.

15. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab memastikan semua alat permainan di tempat hiburan disahkan sesuai dan selamat digunakan.
 16. Pemegang lesen hendaklah mengendalikan satu tempat hiburan dalam masa yang dinyatakan oleh Pegawai Pelesen dalam lesen.
 17. Halangan sekatan atau cermin yang digunakan di tempat hiburan hendaklah terang bagi memudahkan pemantauan.
 18. Pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan dalam premisnya dan memastikan bunyi demikian tidak mewujudkan satu kacau ganggu.
 19. Pemegang lesen hendaklah memastikan keselamatan serta ketenteraman premis daripada pergaduhan.
 20. Pemegang lesen tidak dibenarkan mendirikan bilik-bilik kecil (cubicle partition) di tempat hiburan. Premis hendaklah dapat dilihat daripada luar dan tidak dikunci daripada dalam. Satu suis lampu utama (Main switch) hendaklah disediakan dan hendaklah dinyalakan apabila diminta oleh Pegawai Penguatkuasa untuk tujuan pemeriksaan.
 21. Lesen tidak boleh dipindah milik, disewakan atau dipajakkan kepada mana-mana orang lain.
 22. Pegawai Penguatkuasa boleh menyita apa-apa dokumen atau/dan benda di tempat hiburan atau/dan menutup tempat hiburan sekiranya berlaku pelanggaran syarat.
 23. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan satu notis di pintu masuk tempat hiburan dengan menggunakan bahasa Melayu dan Cina serta Tamil atau Inggeris yang mengandungi perkara-perkara berikut :
 - i) Tempoh masa operasi
 - ii) Umur minima yang dibenarkan
 - iii) Larangan ke atas pelajar sekolah yang berpakaian seragam
- * Tulisan dalam notis mestilah berukuran 1" x 1"
24. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan satu notis larangan merokok di tempat hiburan.
 25. Pemegang lesen perlu memastikan keselamatan pelanggan dan tidak menimbulkan masalah/pergaduhan.
 26. Pemegang lesen dinasihatkan supaya tidak mengambil/mengaji pekerja asing.
 27. Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

SYARAT-SYARAT LESEN HIBURAN SEMENTARA

1. Semua pelakon hendaklah terlebih dahulu lulus tapisan pihak Polis dan Jabatan Imigresen (sekiranya warganegara asing).
2. Pelakon baru yang tidak disenaraikan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam semua pertunjukan yang diadakan.
3. Cerita dan lakonan mestilah mengikut skrip yang telah diperiksa dan diluluskan.
4. Permintaan lagu-lagu khas daripada penonton dengan bayaran atau percuma tidak dibenarkan.
5. Tempat-tempat di mana pertunjukan diadakan hendaklah ditutup sebagaimana arahan Pegawai Pelesen.
6. Pemegang lesen hendaklah menentukan bahawa pertunjukan tidak akan mengganggu lalulintas.
7. Kebenaran untuk mendirikan pentas di tepi jalan hendaklah terlebih dahulu diperolehi dari pejabat Ketua Polis Daerah dan MBSP.
8. Pentas wayang hendaklah didirikan mengikut pelan yang dikemukakan dan diluluskan oleh MBSP.
9. Pemegang lesen bertanggungjawab mengadakan kawalan untuk menjaga ketenteraman sepanjang masa pertunjukan diadakan.
10. Halangan atau papan tanda "No Entry" tidak dibenarkan diletak di sepanjang jalan di tempat pertunjukan.
11. Pemasangan kain rentang hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak MBSP dan perkataan pada kain rentang itu hendaklah diedarkan kepada pihak Polis dalam bahasa Melayu dengan pilihan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Cina, Tamil atau Inggeris.
12. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatannya sendiri.
13. Perjudian tidak dibenarkan sama sekali diadakan di tempat pertunjukan.
14. Pemegang lesen hendaklah menentukan pertunjukan dimulakan dan ditamatkan pada waktu yang ditetapkan dalam lesen.
15. Jika pemegang lesen memasukkan pelakon baru atau membuat rancangan baru, maka permohonan baru hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen, Polis dan Imigresen (Untuk Warganegara Asing).
16. Pemegang lesen hendaklah mengadakan 2 x 9 kg alat pemadam api jenis serbuk kering ABC dan hendaklah diletakkan di sebelah kiri dan kanan bahagian hadapan tempat pertunjukan.
17. Kawasan pertunjukan hendaklah dibersihkan selepas tamat pertunjukan.
18. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada kacauganggu di kawasan persekitaran tempat pertunjukan.

19. Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam Undang-Undang Kecil Iklan MBSP 2001.
20. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada warung/gerai atau struktur lain dibina di tempat pertunjukan melainkan dibenarkan oleh MBSP setelah bayaran fee dijelaskan.
21. Alat bunyian/muzik yang digunakan tidak mengganggu masyarakat umum yang mempunyai perbezaan agama/etnik.
22. Tidak ada unsur jenayah/maksiat/perjudian.
23. Masa operasi yang dibenarkan adalah dari jam 11.00 pagi hingga jam 12.00 tengah malam.
24. Memberi kerjasama kepada pihak Polis jika berlaku kejadian yang tidak diingini.
25. Cerita dan lakonan mestilah mengikut rancangan yang telah diperiksa.
26. Selain daripada pertunjukan yang tersebut di atas tidak boleh dipertunjukkan.
27. Kutipan derma tidak dibenarkan ditempat pertunjukkan wayang.
28. Bahan api / letupan (mercun) perlu dikendalikan oleh individu yang dilantik dan diperakui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).
29. Bahan api / letupan perlu disimpan di tempat selamat berdasarkan kepada syarat ditetapkan mengikut Hukuman Tetap Ketua Polis Negara Bahagian (A)/116/(A).
30. Sebarang pembakaran bahan api / letupan hanya pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan dengan kuantiti yang dibenarkan.
31. Baki bahan api / letupan yang tidak habis dibakar hendaklah diserahkan kepada PDRM untuk pelupusan.
32. Penganjur program perlu mempunyai perlindungan insurans yang merangkumi liabiliti awam jika aktiviti yang dianjurkan melibatkan risiko kepada orang awam.
33. Penganjur adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kematian, kemalangan atau kesilapan berbangkit terhadap orang awam daripada penganjuran aktiviti hiburan.